UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama**
**Sidang Akademik 1998/99**

**Ogos / September 1998**

**PGT 221- Pengurusan Pendidikan**

**Masa: [ 3jam ]**

---

**Pilih EMPAT (4) Soalan sahaja. Setiap soalan membawa markah yang sama.**

1. Jelaskan konsep organisasi formal. Apakah ciri-cirinya dan bandingkan organisasi formal sekolah dengan organisasi-organisasi yang lain.

2. Kemahiran-kemahiran konseptual, kemanusiaan dan teknikal perlu dihayati oleh seorang Pengetua. Bincangkan kemahiran-kemahiran tersebut dan cuba kaitkan kedudukan beliau pada peringkat pengurusan yang sesuai dalam konteks sistem pendidikan di negara ini.

3. "Gaji atau upah adalah merupakan faktor motivasi utama di dalam sesebuah organisasi." Dengan berpandukan teori-teori motivasi oleh Maslow, Herzberg dan Vroom, beri pandangan anda sendiri sama ada setuju atau tidak dengan kenyataan di atas.

4. Perancangan, Pengelolaan dan Penyeliaan adalah di antara fungsi-fungsi (proses) pengurusan yang penting di dalam sesebuah organisasi. Huraikan prinsip-prinsip setiap satunya dengan memberi contoh-contoh yang terdapat di sekolah-sekolah.

5. "Pengetua perlu menguasai kemahiran berkomunikasi jika beliau mahu mewujudkan hubungan baik dengan kakitangannya supaya melahirkan kepimpinan yang berkesan di sekolah". Apakah halangan-halangan komunikasi yang sering berlaku di antara pengetua dengan kakitangannya. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pengetua bagi mencapai tahap komunikasi berkesan.

6. Pilih DUA (2) daripada berikut dan huraikan bagaimana pengetua harus bertindak untuk menanganinya:
   a) melaksanakan Pengurusan Berkualiti Menyeluruh (TQM) di sekolah.
   b) menguruskan masa dengan berkesan.
   c) mendekati guru-guru yang menghadapi tekanan (stress).
   d) melaksanakan sesuatu perubahan di sekolah.
   e) menjalankan mesyuarat dengan berkesan

- ooo0ooo -